

# → SUKAN



Zaidatul Husniah Zulkifli

## Zaidatul berdebar tunggu senarai

**Kuala Lumpur:** Ratu pecut negara, Zaidatul Husniah Zulkifli masih menanti penuh debar sama ada terpilih mewakili negara di Sukan Komenwel di Gold Coast, April ini dan Sukan Asia di Jakarta Ogos nanti.

Dia yang belum pernah merasai bahang dua saingan itu kini giat menjalani latihan di bawah kendalian jurulatihnya, M Balamurugan di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil.

“Setakat ini saya hanya tumpu pada latihan saja. Saya dan yang lain-lain hanya menunggu keputusan daripada MSN, KOM (Kesatuan Olahraga Malaysia) dan MOM (Majlis Olimpik Malaysia).

“Jadi buat masa sekarang, saya hanya menjalani latihan keras dengan jurulatih. Sekiranya nama saya disenaraikan dalam mana-mana kejohanan termasuk Sukan Komenwel atau Sukan Asia, saya akan pergi,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Berbaki tiga bulan sebelum tirai Sukan Komenwel disingkap secara rasminya pada 4 April ini, KOM masih belum mengumumkan secara rasmi nama atlet yang bakal memikul cabaran Malaysia di Australia nanti.

### **MOM umum senarai**

Difahamkan pada mesyuarat badan induk olahraga itu 5 Januari lalu, KOM sudah mengenal pasti 18 atlet terbaik kebangsaan yang dipilih berdasarkan merit dengan raja pecut Asia Tenggara, Khairul Hafiz Jantan mengetuai senarai itu.

Selain Khairul Hafiz, Zaidatul, Rayzam Shah Wan Sofian, Lee Hup Wei, Iskandar Alwi, Jackie Wong dan Nixson Kennedy adalah antara atlet yang berada dalam senarai yang dicadangkan.

Juga tersenarai, Badrul Hisyam Abdul Manap, Nauraj Singh, Norliyana Kamarudin, Muhammad Hakimi Ismail dan Muhammad Irfan Shamsuddin.

Bagaimanapun, semua calon itu belum dimuktamadkan lagi apabila perlu menjalani saringan akhir oleh MOM bagi menentukan jumlah atlet layak.

Zaidatul, 25, yang memenangi pingat perak di Sukan SEA Kuala Lumpur tahun lalu, mengakui teringin untuk beraksi di salah satu temasya itu.

**Oleh Firdaus Hashim**